

## PLUS BERHASRAT MENJADI PENERAJU DALAM INDUSTRI LEBUH RAYA BAGI MEMPERKASA BUDAYA KESELAMATAN PEKERJAAN DAN KESELAMATAN PERJALANAN

**Petaling Jaya, 26 November 2024:** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) berhasrat menjadi peneraju dalam memupuk budaya keselamatan pekerjaan dan keselamatan perjalanan, bukan sahaja di kalangan warga kerjanya tetapi juga dalam komuniti lebuhraya. Komitmen ini sejajar dengan Aspirasi Keselamatan Jalan Raya yang digariskan dalam Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (OSHMP) 2021-2025, dengan matlamat memperkuuhkan lagi budaya serta amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang lebih berdaya saing dan cemerlang.

PLUS juga menjadi syarikat pengendali lebuhraya pertama dalam negara yang telah menerima pengiktirafan ISO 39002:2020 – Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya bagi “Amalan Baik dalam Pelaksanaan Pengurusan Keselamatan Perjalanan” daripada NIOSH Certification Sdn. Bhd. pada September lalu. Terdahulu, PLUS juga telah menerima Pensijilan ISO 39001:2012 bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Trafik Jalan Raya (RTSMS) pada 2020 oleh NIOSH.

Ketika berucap merasmikan Program Hari Keselamatan PLUS yang dianjurkan di Persada PLUS hari ini, Timbalan Menteri Kerja Raya YB Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, “Kejayaan PLUS menerima pengiktirafan ISO 39002:2020 – Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya bagi “Amalan Baik dalam Pelaksanaan Pengurusan Keselamatan Perjalanan” menunjukkan PLUS terus komited dan cemerlang dalam memperkasakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan warga PLUS dan juga komuniti lebuhraya.”

“Pengiktirafan yang diterima oleh PLUS daripada NIOSH Certification Sdn. Bhd. menandakan kecemerlangan PLUS dalam mengadaptasi piawaian antarabangsa untuk keselamatan jalan raya, khususnya dalam aspek keselamatan perjalanan. Pengiktirafan ini menunjukkan bahawa usaha berterusan PLUS untuk menghasilkan pencapaian yang signifikan dalam memastikan perjalanan pergi dan pulang ke tempat kerja lebih selamat, selesa, dan sejahtera,” tambah beliau.

Di samping itu, YB Timbalan Menteri Kerja Raya juga menyeru semua pihak untuk terus menyokong inisiatif keselamatan yang dijalankan oleh Kementerian Kerja Raya iaitu MyJalan. Melalui kolaborasi aplikasi MyJalan yang telah diintegrasikan dengan aplikasi PLUS sejak April lalu, usaha ini membolehkan pengguna lebuhraya melaporkan isu berkaitan jalan raya dengan lebih mudah, seterusnya membantu meningkatkan keselamatan jalan raya di negara ini. Beliau berharap, dengan kejayaan seperti ini, PLUS akan terus menjadi peneraju dalam menetapkan penanda aras keselamatan dan kesejahteraan perjalanan pengguna lebuhraya di Malaysia.

Turut hadir pada program tersebut adalah Pengerusi PLUS, Dato' Mohamad Nasir Ab. Latif, dan Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, serta rakan-rakan strategik keselamatan PLUS.

Pengerusi PLUS, Dato' Mohamad Nasir Ab. Latif ketika berucap dalam majlis tersebut berkata, “Berdasarkan statistik oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) tahun ini, bilangan kemalangan melibatkan pekerja pada tempoh Januari hingga Jun tahun ini adalah membimbangkan dengan lebih 41,000 kes kemalangan industri dan perjalanan direkodkan.

## KENYATAAN MEDIA

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 52 peratus kemalangan di Malaysia melibatkan kemalangan industri manakala 48 peratus melibatkan kemalangan perjalanan (pergi dan pulang) dari tempat kerja.”

“Manakala, statistik ini dilihat relevan dengan data kemalangan yang direkodkan di Lebuhraya PLUS pada tahun ini, yang menunjukkan 66 peratus daripada kemalangan melibatkan kenderaan persendirian (Kelas 1), 20 peratus melibatkan motosikal, manakala 14 peratus lagi melibatkan lain-lain jenis kenderaan. Daripada analisis kami, kebanyakan insiden kemalangan tersebut berlaku pada waktu puncak perjalanan hari bekerja. Ini menandakan keperluan untuk semua pihak berganding bahu untuk terus meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya dan mengambil langkah pencegahan untuk mengurangkan risiko kemalangan,” jelas Dato’ Mohamad Nasir.

Semasa sesi perkongsian dalam majlis tersebut, Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar turut berkongsi pendekatan yang dijalankan PLUS dalam usaha pembudayaan keselamatan dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif yang inovatif dan menyeluruh. Antaranya mengadakan program Kelab Peronda Selamat (KPS) dan Kelab CSA Selamat (KCS) yang memfokuskan kepada kaktangan barisan hadapan PLUS bertujuan menerapkan tingkah laku selamat melalui pengukuhan nilai positif dan pemberian incentif.

“Di samping itu, PLUS turut menggunakan pendekatan S.T.A.R (STOP-THINK-ACT-REVIEW) untuk memupuk kesedaran warga kerja agar sentiasa mempertimbangkan aspek keselamatan sebelum bertindak. Terbaharu, PLUS melancarkan “HSSE GO,” sebuah gamifikasi keselamatan yang menggalakkan penglibatan aktiviti keselamatan, sekaligus mewujudkan budaya keselamatan yang lestari dengan incentif untuk tingkah laku selamat,” jelas Datuk Nik Airina.

Penganjuran Hari Keselamatan PLUS 2024 buat kali keenam ini bertemakan “MyPLUS Selamat” yang memberi fokus kepada keselamatan pekerjaan dan perjalanan (occupational and commuting safety) menandakan komitmen berterusan PLUS untuk meningkatkan keselamatan pekerjaan dan perjalanan bukan sahaja untuk warga kerja PLUS tetapi juga pengguna lebuh raya secara keseluruhan.

Dengan fokus kepada keselamatan perjalanan pergi dan pulang dari tempat kerja, Hari Keselamatan PLUS 2024 kali ini telah disertai oleh lebih daripada 1,000 warga PLUS termasuk rakan-rakan strategik keselamatan PLUS antaranya daripada MIROS, PERKESO, DOSH, NIOSH Certification Sdn. Bhd., wakil-wakil syarikat konsesi lebuh raya, gabungan e-hailing Malaysia (GEM), serta wakil-wakil pelajar Institusi pengajian tinggi daripada UPSI, IUKL, UIAM, UiTM dan UM.

-TAMAT-

### PERTANYAAN MEDIA:

<b>Iskandar Dzulkifli</b> Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 019-271 0280 Emel: <a href="mailto:iskandar@plus.com.my">iskandar@plus.com.my</a>	<b>Rofina Adam</b> Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: <a href="mailto:rofina@plus.com.my">rofina@plus.com.my</a>
---	---



Ahli Kumpulan UEM

FOR IMMEDIATE RELEASE

## KENYATAAN MEDIA

26<sup>TH</sup> NOVEMBER 2024

### PLUS AIMS TO LEAD THE HIGHWAY INDUSTRY IN PROMOTING OCCUPATIONAL AND COMMUTING SAFETY CULTURE

**Petaling Jaya, 26 November 2024:** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) aspires to lead the highway industry in fostering a culture of occupational and commuting safety, extending this commitment not only to its employees but also to the highway community. This initiative aligns with the aspirations outlined in the National Occupational Safety and Health Master Plan (OSHMP) 2021-2025, which aims to strengthen a competitive and excellent safety and health culture.

PLUS is also the first highway service provider in Malaysia to receive the ISO 39002:2020 certification for "Good Practices in Journey Management" from NIOSH Certification Sdn. Bhd. in September. Previously, PLUS was also awarded the ISO 39001:2012 certification for its Road Traffic Safety Management System (RTSMS) by NIOSH in 2020.

Speaking at the launch of the PLUS Safety Day held at Persada PLUS today, Deputy Minister of Works, YB Datuk Seri Ahmad Maslan, stated, "PLUS' achievement in receiving the ISO 39002:2020 certification for Road Traffic Safety under 'Good Practices in Journey Management' reflects the company's steadfast commitment and excellence in enhancing occupational safety and health among its employees and the highway community."

"The recognition received by PLUS from NIOSH Certification Sdn. Bhd. highlights the company's excellence in adopting international standards for road safety, particularly in journey management. This achievement underscores PLUS' ongoing efforts to deliver significant advancements in ensuring safer, more comfortable, and seamless commutes to and from the workplace," he added.

Additionally, the Deputy Minister of Works urged all parties to continue supporting the Ministry of Works' safety initiative, *MyJalan*. Through the integration of the *MyJalan* application with the PLUS app since April, the collaboration enables highway users to report road-related issues more conveniently, thereby enhancing road safety across the country. He expressed hope that PLUS will continue to lead in setting benchmarks for the safety and wellbeing of highway users in Malaysia.

Also present at the event were PLUS Chairman, Dato' Mohamad Nasir Ab. Latif, PLUS Managing Director, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, and PLUS strategic safety partners.

PLUS Chairman, Dato' Mohamad Nasir Ab. Latif, highlighted in his speech that "According to statistics from the Social Security Organization (PERKESO) this year, the number of work related accidents from January to June is alarming, with over 41,000 cases of industrial and commuting accidents recorded. Of this total, 52% were industrial accidents, while 48% involved commuting accidents to and from the workplace."

Furthermore, Dato' Mohamad Nasir Ab. Latif explained that "This statistic is relevant to the accident data recorded on PLUS highways this year, which shows that 66% of accidents involved private vehicles (Class 1), 20% involved motorcycles, and 14% involved other types of vehicles. Our analysis reveals that most of these accidents occurred during peak commuting hours. This underscores the need for all parties to collaborate in raising road safety awareness and taking preventive measures to reduce the risk of accidents."

During a sharing session at the event, PLUS Managing Director, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, highlighted PLUS' approach to fostering a culture of safety through the introduction of various innovative and comprehensive initiatives. These include the *Kelab Peronda Selamat* (KPS) and *Kelab CSA Selamat* (KCS) programs, which focus on frontline employees to instill safe behaviors by reinforcing positive values and offering incentives.

"In addition, PLUS employs the S.T.A.R. approach (STOP-THINK-ACT-REVIEW) to raise awareness among its employees, encouraging them to consider safety aspects before taking action. Most recently, PLUS introduced HSSE GO, a safety gamification initiative designed to engage employees in safety activities. This initiative fosters a sustainable safety culture while rewarding safe behaviors," explained Datuk Nik Airina.

The sixth edition of PLUS Safety Day 2024, themed "MyPLUS Safe," focused on occupational and commuting safety, marking PLUS' ongoing commitment to enhancing safety not only for its employees but also for highway users as a whole.

Focusing on the safety of commuting to and from the workplace, PLUS Safety Day 2024 was attended by over 1,000 PLUS employees, including strategic safety partners from organizations such as MIROS, PERKESO, DOSH, NIOSH Certification Sdn. Bhd., representatives from highway concession companies, the Malaysia E-Hailing Alliance (GEM), as well as students from various higher education institutions, including UPSI, IUKL, UIAM, UiTM, and UM.

-END-

**MEDIA CONTACTS:**

<b>Iskandar Dzulkifli</b> Head Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Mobile: 019-271 0280 Email: <a href="mailto:iskandar@plus.com.my">iskandar@plus.com.my</a>	<b>Rofina Adam</b> Manager Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Mobile: 012-657 4452 Email <a href="mailto:rofina@plus.com.my">rofina@plus.com.my</a>
--	---